

## **Sikap rendah diri Tun Razak kunci kejayaan**

### **Utusan Online**

**18 Jun, 2012**

KENINGAU 17 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sikap rendah diri Allahyarham bapanya, terhadap kaum lain merupakan antara resipi kejayaan membawa masuk Sabah ke dalam pembentukan Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, sikap saling menghormati yang ditunjukkan oleh arwah bapanya dengan menggunakan perkataan 'bapak' kepada pemimpin kanan Dusun di pedalaman, Orang Kaya-Kaya (OKK) Sedomon Gunsanad membuka hati pemimpin itu untuk bersetuju dengan cadangan penubuhan Malaysia.

Beliau berkata, meskipun terdapat beberapa pemimpin lain yang cuba memujuk Sedomon untuk memberi persetujuan berhubung perkara tersebut, namun pemimpin berpengaruh itu enggan bekerjasama.

"Walaupun Allahyarham ayahanda saya ketika itu merupakan Timbalan Perdana Menteri, tetapi jawatan itu tidak menghalang beliau untuk menghormati pemimpin lain.

"Berbahasa dengan memanggil OKK dengan gelaran bapak, ia secara tidak langsung menimbulkan rasa kemesraan, sekali gus Sedomon bersetuju untuk menyertai kaum lain di Sabah dalam penubuhan Malaysia," katanya ketika berucap pada majlis pecah tanah Kolej Kadazan Dusun Murut (KDM) Sabah, di sini hari ini.

Najib mengambil kesempatan berucap pada majlis itu untuk menceritakan sejarah itu yang jarang diketahui oleh orang.

Terdahulu, beliau dibawa melawat ke rumah Sedomon di Bingkor, dekat sini sebelum merasmikan majlis pecah tanah kolej tersebut.

Hadir sama, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dan Timbalan Ketua Menteri yang juga Presiden Persatuan Budaya Kadazan Dusun (KDCA), Tan Sri Joseph Pairin Kitingan.

Najib berkata, kisah tersebut merupakan secebis sejarah penubuhan Malaysia yang tidak diketahui umum, namun ia merupakan satu peristiwa yang tidak kurang pentingnya.

Kata beliau, sikap saling menghormati yang ditunjukkan oleh arwah bapanya itu telah berjaya menawan hati Sedomon, malah bersetuju untuk melihat Sabah merdeka di bawah penubuhan Malaysia.

Sementara itu, beliau menyifatkan penubuhan KDM sebagai satu langkah tepat bagi memberi pendidikan lanjutan yang lebih baik kepada penduduk di kawasan pedalaman.

Beliau berkata, kerajaan bukan sekadar bersetuju dan memberi sokongan terhadap pembinaan kolej tersebut tetapi pihaknya akan turut membiayai pembinaannya.

"Biar sebanyak mana belanja diperlukan bagi pembinaan Kolej KDM ini, kerajaan akan memastikan ia dapat dilaksanakan demi kepentingan rakyat di kawasan pedalaman.

"Ia merupakan satu perkara yang sangat dinanti-nantikan oleh penduduk di kawasan pedalaman dan kerajaan akan memastikan kolej ini dapat ditubuhkan demi melihat Malaysia menjadi sebuah negara lebih baik untuk generasi akan datang," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0618&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0618&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_03.htm)